

Generasi muda aset bernilai kepada negara, kata Najib
Malaysian Insider
07 Julai, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 7 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata generasi muda di negara ini adalah aset yang paling bernilai kepada negara dan kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan modal insan demi masa depan negara.

Malah, beliau turut menjelaskan, perbelanjaan yang dikeluarkan kerajaan kepada generasi muda di negara ini juga bukanlah satu pembaziran, sebaliknya ia adalah pelaburan jangka panjang kepada negara.

“Perbelanjaan untuk generasi muda ini bukanlah suatu pembaziran, tetapi ia adalah satu pelaburan,” kata perdana menteri ketika berucap merasmikan majlis Ekspresi Remaja bersama Perdana Menteri di Stadium Negara di sini.

“Kalau kerajaan atau syarikat korporat mengeluarkan perbelanjaan untuk belia, itu adalah pelaburan untuk masa depan negara.”

Justeru, Najib turut memberikan peringatan bahawa, jika pemimpin negara tidak menyediakan negara yang bergerak maju menjadi lebih baik, generasi ini pastinya akan berasa kecewa.

“Sebagai pewaris kepada kepimpinan negara, tentu golongan belia ini mengharapkan agar masa depan negara ini akan menjadi lebih baik.

“Kamu tentu kecewa sekiranya mendapati apa yang diimpikan tidak akan menjadi realiti kerana kepimpinan negara tidak dapat menyediakan sebuah negara yang akan bergerak menjadi hari ini lebih baik dari semalam, dan hari esok lebih baik daripada hari ini,” katanya lagi.

Najib turut menambah, setakat ini, kerajaan pimpinannya telah berjaya mengorak langkah menjadikan negara ini bertambah baik dan selamat untuk diduki.

“Kita tidak mungkin berjaya kalau kita tidak memberi tumpuan terhadap pembangunan modal insan.

"Malaysia telah melakarkan gambaran bahawa melalui dasar dan perancangan yang begitu rapi dan pelaksanaan yang berkesan, rasa kehampaan belia di Malaysia dapat diatasi dengan wujudnya keyakinan belia terhadap negara kita," tambahnya dihadapan hampir 4,000 ahli persatuan Pandu Puteri dari seluruh negara.

Beliau turut menegaskan, "inilah perjalanan yang sedang kita lalui, agenda transformasi negara. Kami pemimpin hari ini berjanji akan bekerja kuat dan bersungguh-sungguh supaya kami akan memberikan yang terbaik kepada anda.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/generasi-muda-aset-bernilai-kepada-negara-kata-najib/>